



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFE

A. DEFINISI

1. Pusat siber

Pusat siber adalah premis perniagaan yang menyediakna kemudahan komputer (PC) untuk tujuan melayari internet.

2. Cyber café

Cyber Café ialah premis perniagaan yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet dan menyediakan tujuaan makanan dan minuman kepada pelanggannya.

B. PELESENAN

1. Pelesenan premis pusat siber dan cyber café adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan Dan Perindustrian MDTM atau lain-lain syarta yang dikenakan daripada masa ke semasa.
2. Lesen yang dikeluarkan oleh majlis daerah tanjung malim hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat. Lesen akan dibatalkan jika syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini tidak dipatuhi.

C. PENGURUSAN

1. Pengurusan pusat siber dan cyber café hendaklah secara profesional oleh pengurus yang berpengetahuan yang luas dalam bidang ini.
2. Pekerja rakyat asing tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan cyber café
3. Pengusaha pusat siber dan cyber hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusta siber dan cyber café tersebut.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFE

D. AKTIVITI YANG DIBENARKAN

1. Aktiviti utama ataupun core business pusat siber dan cyber cafe hendaklah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain hendaklah dilarang sama sekali khususnya berbentuk hiburan berikut :
 - a. Perrmainan video
 - b. Perjudian
 - c. Gambar-gambar luncuh: dan
 - d. Muzik (pipe music: dan
 - e. Penjualan bahan-bahan bercetak khusunya yang mengandungi unsur-unsur negatif
2. Pengusaha hendaklah mengambil tindakan segera sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat yang melibatkan pelanggan mereka.

E. MASA OPERASI

1. Masa operasi bagi pusat siber dan cyber cafe adalah dihadkan kepada pukul 11.00 malam sahaja
2. Bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan cyber café sehingga pukul 10.00 malam sahaja



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFE

F. HAD UMUR PENGUNJUNG

1. Pengunjung di bawah umur 12 tahun boleh mengunjungi pusat siber dan cyber café dengan ditemani oleh ibu bapa ataupun penjaga
2. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan cyber café

G. LOKASI

1. Pusat siber dan cyber café hanya **dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan ,keadaan premis perlulah terbuka dengan system pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.** Bagi peniaga pusat siber dan cyber café yang telahpun menjalankan perniagaan sebelum garis panduan ini dikeluarkan makan kelonggaran boleh diberikan untuk membenarkan pusat siber dan cyber café beroperasi dipremis ataupun tempat sedia ada tanpa perlul berpindah ke tingkat bawah bangunan
2. Kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah dalam ruang yang terbuka, iaitu tidak berblikti dan tidak berpintu.
3. Pusat siber dan cyber café tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitive seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh pegawai pelesen.



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFE

H. PENJUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK

1. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan cyber café
2. Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok daripada luar.

I. BUTIRAN PELANGGAN

1. Pengusaha hendaklah menyediakan buku kemasukan pelanggan badi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa

J. KEBERSIHAN PREMIS

1. Pengusaha pusat siber dan cyber cae juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi
2. Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada pbt terlebih dahulu

K. PEMASANGAN PINTI / DINDING CERMIN

1. Sekiranya premis dijalankan di dalam kedaan tertutup pengusaha pusat seber dan cyber café hendaklah memasang pintu/ dindingcermin yang berwarna cerah disetiap premis bagi membolehkan pihak berkuasa mengawasi aktiviti-aktiviti yang dilakukan tidak melanggar syarat-syarat seperti mana yang telah ditetapkan.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFE

L. TINDAKAN KE ATAS PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER DAN CYBER CAFÉ

1. Tindakan menutup premis perniagaan pusat siber dan cyber café akan dijalankan jika pengusaha pusat siber dan cyber café di dapati melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan ini
2. Sila ambil perhatian kegagalan pihak pelesen menjalankan perniagaan tanpa lesen daripada pihak Majlis Daerah Tanong Malim, **tindakan menyita akan dikenakan seperti mana yang diperuntukan 38(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian 2017**